# Pelatih Kor Suksis USIM sertai latihan menembak

**Komunit Kita**

Gambar dan berita yang disiarkan dalam *Komuniti Kita* kini boleh diakses di laman web www.kosmo.com.my.

**LATIHAN.** Seramai 187 pelatih Kor Sukarelawan Siswa Siswi Polis (Suksis) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan mengikuti program menembak menggunakan senjata Colt M16-A1 di lapang sasar Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka di Bukit Beruang, Melaka baru-baru ini.

Ia merupakan salah satu keperluan bagi memenuhi modul-modul latihan sepanjang pelatih mengikuti kursus Kor Suksis di USIM.

Program itu turut disertai oleh Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah merangkap Komandan Kor Suksis USIM.



**MUSA (kanan) bergambar bersama sebahagian peserta selepas program menembak di lapang sasar Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka di Bukit Beruang, Melaka baru-baru ini.**